

# PM akan sentuh isu dagangan

UM 11 FEB 2000

**K**UALA LUMPUR 10 Feb. — Menteri Perdagangan Antara-bangsa dan Industri (MITI), Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata Perdana Menteri akan menyuarakan pandangan negara terhadap buruk baik globalisasi perdagangan pada Persidangan Pertumbuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Perdagangan dan Pembangunan ke-10 (UNCTAD X) di Bangkok yang bermula esok.

Katanya, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad antara lain akan bercakap mengenai hala tuju globalisasi serta cara negara membangun harus menanganinya.

Menurut beliau, perbincangan pada persidangan itu mestilah seimbang dengan mengambil kira ke-

musykilan serta kekurangan yang dialami oleh negara-negara membangun.

“Apa masalah mereka (negara membangun) dalam mematuhi pelbagai syarat dan kriteria serta program yang wajar dibuat harus dibincangkan,” katanya kepada pemberita selepas majlis dialog bersama ahli Parlimen serta Dewan Undangan Negeri Wanita Barisan Nasional (BN) di kementerianya di sini, hari ini.

Menurut Rafidah, UNCTAD X yang membincangkan mengenai perdagangan tidak harus dicampuradukkan dengan isu politik.

“Elakkan ia disalah guna untuk tujuan politik dengan memberi peluang kepada pihak yang tidak ada pendirian memasuk-

kan agenda mereka,” katanya.

Ini kerana menurut beliau, isu perdagangan jika dicampuradukkan dengan agenda lain akan menyebabkan perbincangan UNCTAD X menjurus ke arah politik.

Di samping itu, katanya, adalah wajar negara membangun menggunakan semua forum perbincangan di peringkat antarabangsa untuk menyalurkan pandangan serta rintihan negara membangun.

“Kalau tidak (mengemukakan pandangan), kita khuatir usaha menyampaikan apa sahaja perubahan dalam senario antarabangsa tidak akan mengambil kira pandangan kita (negara membangun),” katanya.

Dalam perkembangan

lain, Rafidah mengalukan pelantikan bekas Menteri Kewangan Kedua, Datuk Mustapa Mohamed, sebagai Penasihat kepada Kementerian Kewangan.

“Beliau akan memberi input kepada kerajaan di Perbendaharaan. Kita banyak bekerjasama, ini (pelantikannya) satu perkara yang baik,” ujarnya.

Menurut kenyataan Kementerian Kewangan semalam, antara tugas Mustapa ialah membantu kementerian itu merangka dasar-dasar ekonomi dan kewangan negara.

Mengenai bantuan terhadap Timor Timur, Rafidah berkata komitmen negara ialah untuk membantu setakat mana yang perlu.